

PENGHANTARAN TUGASAN KERJA PADANG

SBEU 3323 (Space Kuching)-Semester 2023/2024 (1)

1. Tajuk

Merangkumi pelaksanaan, prosedur, masalah berbangkit atau isu-isu semasa, analisa, penyelesaian mengenai undang-undang tanah, peraturan ukur serta hal-hal berkaitan.

2. Panjang penulisan tidak kurang daripada 2000 perkataan (lebih kurang 10 muka surat kertas A4, tidak termasuk rajah, jadual dan lampiran). Laporan ini mengandungi kedua-dua Amali 1 dan Amali 2.

3. Format penulisan:

i. Tajuk-Ukuran Semula Lot, Ukuran Ofset Bangunan dan Ukuran Pecah Bahagi Bangunan (Strata)

ii. Nama penulis-penulis (3 kumpulan) dan email perhubungan

Laporan Penulisan (10%)

i. Pengenalan, objektif, penerangan projek, kawasan kerja luar, perancangan kerja, metodologi, prosedur kerja pengukuran, hasil pengukuran, penyediaan pelan-pelan, rumusan dan lampiran yang berkaitan

Pengukuran dan Pembukuan

i. Ukuran Semula Lot – Buku Kerjalar – Digital Format (40%)

ii. Pecahan Bahagi Bangunan – Buku Kerjalar – Lukis Tangan (30%)

Perisian

i. eBook ASCII mengikut format JTS (20%)

ii. SOP/SIFUS-Excel Table ikut format JTS (20%)

Pelan dan Dokumen

i. Deposited Plan (DP) or Small Deposited Plan (SDP) ukuran semula lot mengikut format JTS (30%)

ii. Strata Subdivision Plan (SSP) dan Certified Strata Plan (CP) mengikut format JTS (50%)

4. Sila sertakan sekali dengan digital

i. Laporan (MS Word & PDF)

ii. Buku Kerja Luar Ukuran Semula Lot (hardcopy dan digital) dan Pecah Bahagi Bangunan (Hardcopy Lukis Tangan)

iii. eBook ASCII dan Excel table format

iv. Deposited Plan Ukuran Semula Lot, Strata Subdivision Plan dan Certified Strata Plan (DWG, PDF)

TUGASAN AMALI 1 (UKURAN SEMULA LOT)
SEBU 3323 (Space Kuching)-Semester 2023/2024 (1)

Pelajar diminta memilih satu kawasan yang mempunyai sebuah bangunan di persekitaran iCATs (**Bangunan i-CATS**) untuk menjalankan ukuran semula lot dengan menggunakan cara teknologi terkini. Sempadan lot bolehlah mengelilingi blok bangunan tersebut dan mestilah mengambil kira juga jarak anjakan bangunan Lot-lot tersebut.

Pelajar boleh menggunakan total station untuk membuat ukuran semula lot (gunakan alat sendiri) dan perisian yang sesuai yang boleh membekalkan format data secara elektronik untuk melakukan pemprosesan tikaian, pembetulan dan buku kerjalar. Penghasilan **Survey Plan (Deposited Plan atau Small Deposited Plan)** boleh dengan menggunakan perisian CAD. Akhir sekali, ukuran semula lot dan penghasilan pelan hendaklah mengikut garis panduan terkini yang ditetapkan oleh JTS, iaitu Conduct Cadastral Land Surveys Rules, 2003.

Pelajar juga dikehendaki mengikut semua peraturan yang ditetapkan oleh UTM, seperti berjaga-jaga dengan kawasan larangan semasa menjalankan ukuran semula lot di kawasan ukur.

TUGASAN AMALI 2 (UKURAN PECAH BAHAGI BANGUNAN)

SBEU 3323 (Space Kuching)-Semester 2023/2024 (1)

Pelajar diminta memilih satu kawasan yang mempunyai sebuah bangunan di persekitaran iCATS (**Bangunan i-CATS**) untuk menjalankan ukuran pecah bahagi bangunan. Sebuah bangunan mestilah dijadikan sebagai bangunan yang telah siap dibina. Harta bersama-harta bersama yang perlu berada di dalam skim strata seperti pondok pengawal, tempat permainan kanak-kanak dan bilik sampah hendak direka sendiri dan ditunjukkan dalam **Strata Subdivision Plan** dan **Certified Plan**.

Pelajar juga dikehendaki menggunakan perisian CAD untuk melukis Strata Subdivision Plan dan Certified Strata Plan bersama dengan Excel format - SOP/SiFUS. Akhir sekali, penghasilan Strata Subdivision Plan dan Certified Strata Plan hendaklah mengikut garis panduan terkini yang ditetapkan oleh JTS, iaitu Survey administrative and technical circular, No.1/2022, Guidelines for Preparation and Online Submission of Strata Subdivision Plans, Certified Strata Plan, Limited Common Property Plan, Schedules of Parcels and relevant Documents.

Pelajar juga dikehendaki mengikut semua peraturan yang ditetapkan oleh UTM, seperti berjaga-jaga dengan kawasan larangan semasa menjalankan ukuran pecah bahagi bangunan di kawasan ukur.